



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

**FATWA MENGENAI PERTUKARAN TANAH WAKAF AM
SEBAGAI PENYELESAIAN HUTANG**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah meneliti permohonan untuk menukar (istibdal) satu lot tanah Wakaf Am dengan diserahkan kepada suatu pertubuhan bagi tujuan melangsaikan hutang tertunggak kepada pemaju dan memutuskan seperti yang berikut;

1. Menurut pandangan ulamak, tanah wakaf sama ada **Wakaf Khas atau Wakaf Am tidak boleh sama sekali dipindah milik, tidak boleh diwarisi dan tidak boleh dijual beli kecuali kerana darurat yang memerlukan sedemikian berdasarkan syarat-syarat yang bertepatan dengan kehendak Syarak.**
2. Bagaimanapun, merujuk isu yang dikemukakan, pihak pemohon mempunyai solusi lain untuk menyelesaikan hutang tertunggak pembinaan bangunan asrama Kompleks Pendidikan al-Hikmah di Jalan Datuk Kumbar, Alor Setar berjumlah RM 245, 290.78 kepada pemaju antaranya memohon sumbangan kepada orang ramai melalui media sosial dengan mendapat sokongan daripada Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK).
3. Selain itu, prospek tanah wakaf milik pemohon iaitu Lot 128 Sungai Rotan, Mukim Gurun mempunyai nilai yang tinggi pada masa hadapan. Sebagai pemegang amanah, pemohon hendaklah berusaha sedaya upaya untuk merealisasikan hasrat pewakaf agar ganjaran pahala berpanjangan.
4. Sekiranya usaha-usaha yang telah dicadangkan itu masih gagal maka dinasihatkan pihak pemohon mengemukakan semula permohonan kepada Jabatan Mufti Negeri Kedah untuk pertimbangan selanjutnya.

TARIKH KEPUTUSAN : 13 DISEMBER 2020